

PDRM tingkat kemampuan yakinkan rakyat – PM

KUALA LUMPUR 25 Jun – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Polis Diraja Malaysia (PDRM) menjalankan pelbagai program bagi memastikan rakyat sentiasa yakin terhadap pihak berkuasa itu.

Menurut Perdana Menteri, sebagai strategi utama membanteras masalah jenayah dan mengurangkan kebimbangan rakyat terhadap aktiviti (jenayah) itu, polis telah melaksanakan Pelan Strategik Lima Tahun PDRM (2007-2011).

Kata beliau, antara teras tumpuan pelan itu ialah untuk menangani masalah peningkatan jenayah di negara ini.

Tambah Perdana Menteri, antara program yang dilaksanakan di bawah program itu ialah penubuh-

han Cawangan Pencegahan Jenayah sehingga ke peringkat balai polis serta mewujudkan sistem penyaluran maklumat awam melalui laman web PDRM dengan sistem teknologi maklumat mesra pelanggan.

“Bagi memastikan supaya rakyat sentiasa yakin dengan kemampuan PDRM dalam membanteras jenayah, polis juga telah memantapkan sistem Bit dan Patrol Bersepadu dengan kerjasama agensi lain seperti pihak berkuasa tempatan di samping merancang pemasangan rakaman televisyen litar tutup (CCTV) di kawasan tertentu.

“Polis turut memantapkan dan mewujudkan Rakan COP di semua Kontinjen Polis Negeri,” katanya.

Perdana Menteri yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada

UM : 25/6/2007

soalan **Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timur)** pada persidangan Dewan Rakyat, hari ini.

Terdahulu Ketua Pembangkang itu meminta Perdana Menteri menyatakan mengapakah keyakinan orang ramai terhadap kemampuan kerajaan menangani kadar jenayah di negara ini jatuh ke tahap rendah biarpun sambutan mereka terhadap Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) amat memberangsangkan.

Kata Perdana Menteri, walaupun kadar jenayah telah meningkat, polis telah dapat menyelesaikan kes-kes terutama melibatkan jenayah kekerasan.

Tambahnya, pada tahun lalu, bilangan kes jenayah kekerasan yang dapat diselesaikan telah meningkat kepada 60.11 peratus.

“Pada tahun 2005 pula, polis berjaya menyelesaikan 58.88 peratus daripada kes jenayah kekerasan,” ujarnya.